

**PENGUNAAN DAN INTEGRASI MUZIK DALAM PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN DI PRASEKOLAH SERI MAWAR,
INSTITUT PENDIDIKAN GURU, KAMPUS IPOH:
SATU KAJIAN KES**

HAN1ZAH BINTI ABDUL BAHAR

**LAPORAN PROJEK DI KEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MUZIK)**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2010

PENGAKUAN

Saya mengaku laporan projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

1.4.2010



HANIZAH BINTI ABDUL BAHAR
M20052000207

PENGHARGAAN

Pertama sekali saya ingin memanjat kesyukuran kepada Allah SWT kerana telah mengumiakan kesihatan dan kekuatan dalam menghamng hari-hari sebagai seorang pelajar dalam menyiapkan laporan projek ini disamping menjalankan tanggungjawab harian sebagai seorang pendidik, isteri dan seorang ibu. Kepada kedua ibubapa saya, En. Abdul Bahar bin Abdul Samad dan Puan Halimah binti Abdullah, terima kasih kerana melahirkan saya, memberikan dorongan dan galakan untuk meneruskan perjuangan ini. Kepada adik saya, Hanif⁹ semuga kejayaan ini menjadi dorongan buat mu.

Seterusnya, tiada lain yang diinginkan kecuali untuk mengucapkan terima kasih yang tak terhingga kepada otang yang sangat disegani dan dihormati, iaitu penyelia saya, Dr. Mohd. Hassan bin Abdullah, Dekan Fakulti Seni dan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim (UPSI) di atas kesabaran beliau, segala bimbingan dan tunjuk-ajar beliau semasa saya menyediakan laporan projek ini. Segala pengetahuan dan pengalaman beliau yang amat mendalam telah menjadi panduan serta dorongan yang kuat kepada saya dan rakan-rakan seperjuangan yang masih mentah dalam dunia penyelidikan kualitatif. Tanpa bantuan beliau, tidak mungkin saya dapat menyiapkan laporan projek ini mengikut masa yang ditetapkan dengan jayanya. Semuga Tuhan melindungi dan memberkati beliau dalam kehidupan dan tugas sehariannya.

Terima kasih kepada Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh kerana membenarkan saya membuat kajian di premisnya. Terima kasih juga kepada guru prasekolah kerana sudi menjadi subjek kajian saya. Guru berkenaan telah dengan murah hati berkongsi pengetahuan, pengalaman dan pendapat beliau dalam kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua rakan-rakan yang telah membantu saya sama ada secara langsung atau tidak langsung serta tidak jemu memberi dorongan kepada saya. Semuga Allah memberkati kehidupan mereka sekalian.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada suami saya Nor Zahid bin Zainudin yang amat dikasihi atas doanya, sifat sabarnya, kasih-sayanganya serta keperihatinan beliau dengan karenah saya dan kepada anak-anak saya, Nor Azmi dan Muhammad Hafiz yang sentiasa mencabar kesabaran mama namun begitu sentiasa mendoakan kesejahteraan mama. Amin.

Hanizah binti Abdul Bahar

ABSTRAK

Kajian Ini bertumpu kepada persepsi serta pandangan guru prasekolah di Prasekolah Sen Mawar, Institut Pendidikan Gum Kampus Ipoh mengenai penggunaan dan integrasi muzik dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian kes sebagai aspek utama dalam kajian ini. Tiga persoalan pokok telah diutarakan dalam kajian, iaitu (1) Bilakah muzik digunakan untuk membantu guru prasekolah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran?; (2) Bagaimanakah guru prasekolah menggunakan dan mengintegrasikan muzik dalam pengajaran dan pembelajaran di kelasnya? dan; (3) Apakah masalah yang dialami oleh guru prasekolah semasa menggunakan dan mengintegrasikan muzik dalam bilik darjahnya?

Data-data dikumpul dari temu bual, pemerhatian, catatan lapangan dan kajian-kajian berkaitan. Satu protokol temu bual berbentuk separa berstruktur yang mengandungi soalan-soalan pokok dan sampingan telah digunakan sebagai instrumen kajian. Dapatan dari pemerhatian telah dirakam, dan dicatat sebagai catatan lapangan untuk dianalisis. Dapatan-dapatan telah dianalisis, dikod dan dikategorikan mengikut kehendak persoalan kajian. Tinjauan literatur yang dilaksanakan memberi informasi dari perkembangan latar belakang, teori-teori dan pendekatan, sorotan kajian-kajian lepas yang membawa persoalan asas kepada kajian kes ini.

Berdasarkan kepada kajian, dapatan menunjukkan; (a) kecerdasan muzikal membantu kanak-kanak prasekolah dalam proses pembelajaran; (b) muzik latar di dalam kelas dapat mempengaruhi mood dan keadaan sedut kanak-kanak; (c) integrasi muzik dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan alat bantuan mengajar yang amat berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan tematik; (d) pandangan guru bahawa penggunaan dan integrasi muzik dapat membantu kanak-kanak secara akademik, pembentukan sahsiah dan pembentukan emosi kanak-kanak, yakni keupayaan perkembangan minda serta menambah kesedaran estetika dalam diri kanak-kanak; (e) integrasi muzik ialah kaedah yang berkesan bila didapati pendekatan atau kaedah lain dalam kurikulum tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan; (f) pendidik perlu bersikap kreatif dalam melaksanakan tugas harian serta sentiasa mencari ruang dan peluang untuk mempertingkatkan lagi pengetahuan khususnya dalam bidang ini; (g) dapatan yang menunjukkan bahawa penting untuk guru mendapatkan latihan atau kursus jangka panjang atau pendek tentang penggunaan dan Integrasi muzik di dalam pengajaran dan pembelajaran dan; (h) terdapat miskonsepsi oleh pihak-pihak tertentu tentang perkara-perkara yang dibincangkan di atas.

Menggunakan muzik dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam mata pelajaran lain adalah amat penting kerana pengalaman muzikal dapat menambah rangsangan minda sebagai satu stimulen untuk membantu kanak-kanak mengingat fakta dalam pembelajaran mereka. Berdasarkan kajian ini, penggunaan dan integrasi muzik dalam bilik darjah adalah alat bantuan yang dapat mengembangkan potensi kanak-kanak secara seimbang dan menyeluruh. Insan yang seimbang dan menyeluruh ialah salah satu aspek penting dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pengkaji berharap dapatan dan perbincangan dalam kajian ini dapat memberi informasi tentang pengertian penggunaan dan integrasi muzik dalam pengajaran dan pembelajaran kepada semua pihak yang berminat dalam bidang ini.

ABSTRACT

The study focuses on a preschool teacher's perception and views about the usage and the integration of music in her daily teaching and learning process in her classroom at Prasekolah Seri Mawar, Institut Pendidikan Guru, Karapus Ipoh, Hulu Kinta, Perak. This qualitative research uses the case study method as the main aspect of the research. Three major questions were derived and the data were gained through interviews, observations, field notes and other related academic research. The questions were; (1) When is music used to help the preschool teacher in her daily teaching and learning process?; (2) How does the preschool teacher integrate and use music in her teaching and learning process? and; (3) What are the problems faced by preschool teacher when using and integrating music into classroom? An interview protocol with semi structured questions was constructed as the research instrument. Observations were recorded and written as field notes for analysis. Data results were coded and analyzed. The literature review provided historical and foundational information related to the case study. Based on the research, findings show that; (a) musical intelligence can be used to aid preschool children in the learning process; (b) music is used as a background music to accentuate the students' mood and wellbeing; (c) music integration that occurs in childhood level is as an important tool in the thematic approach to achieve good results in their learning process; (d) educator's perception of usage and music integration proves to be beneficial to preschool students academically, behaviourally and emotionally thus enhancing the mind development as well as the aesthetic awareness; (e) Music integration may help students achieve where other curricular methods' have failed them; (f) educators need to be more creative and find ways to enhance teaching using and integrating music into classroom; (g) There were some issues pertaining to the importance of training and long or short term programs for educators to use and integrate music into classroom and; (h) the misconceptions of others in these matters. From this research, it is hoped that it will bring light for those who are interested in both childhood and music education. Usage and integration of music into classroom indeed proves to be a useful tool towards developing a sound and well rounded person. A balanced and well rounded person is one of the key aspects in the National Education Philosophy's goal. The researcher hopes that this research will provide useful information about understanding and the implementation of this method for all who are interested and involved in this profession.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
BAB 1 PENGENALAN	
1.0. Pendahuluan	1
1.1. Latar belakang Kajian	1
1.2. Permasalahan Kajian	3
1.3. Tujuan Kajian	5
1.4. Persoalan Kajian	6
1.5. Batasan Kajian	6
1.6. Daftar Operasi	7
1.6.1. Prasekolah	7
1.6.2. Kanak-kanak prasekolah	8
1.6.3. Prasekolah di Institut Pendidikan Guru, Bahagian Pendidikan Guru	8
1.6.4. Pengajaran	8
1.6.5. Pembelajaran	9
1.6.6. Penggunaan dan integrasi muzik	9
1.7. Kepentingan Kajian	10
1.8. Kesimpulan	10

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0.	Pendahuluan	12
2.1.	Kerangka Teori	13
2.2.	Perkembangan Pendidikan Prasekolah di Malaysia	13
2.3.	Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia	15
2.4.	Teori-teori, strategi atau pendekatan dan kaedah yang berkaitan	17
2.4.1.	Teori Kecerdasan Pelbagai	17
2.4.2.	Model pengajaran dan pembelajaran Bertema	21
2.4.3.	Integrasi muzik dalam pengajaran dan pembelajaran	23
2.5.	Sorotan Kajian Berkaitan	23
2.6.	Kesimpulan	27

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0.	Pendahuluan	28
3.1.	Fokus Kajian	29
3.2.	Rekabentuk Kajian	29
3.3.	Sumber Data	32
3.4.	Tempoh Kajian	35
3.5.	Instrumen Kajian	35
3.6.	Teknik Pengumpulan Data	38
3.7.	Analisis Data	40

3.8.	Triangulasi	43
3.9.	Kesimpulan	44
BAB 4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.0.	Pendahuluan	45
4.1.	Soalan 1	46
4.2.	Soalan 2	56
4.3.	Soalan 3	61
4.4.	Kesimpulan	67
BAB 5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.0.	Pendahuluan	68
5.1.	Rumusan Implikasi	69
5.2.	Cadangan	73
5.3.	Cadangan Kajian Lanjutan	76
5.4	Penutup	78
RUJUKAN		79
LAMPIRAN		
Lampiran A		83
Lampiran B		85

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
3.6. Jadoal Peagumpulan Data	39
3.7. Data Transkripsi Temu bual 1	41

SENARAI RAJAH

Kerangka Teori

Model Kurikulum Jaringan; Pendekatan Bertema

Gambaran Grafik Rekabentuk Kajian

Model Interaktif Analisis Data

Keterangan mengkod dan mengkategorikan data

temu bual

Proses Triangulasi



BAB 1

PENGENALAN

1.0. Pendahuluan

Dalam bab ini akan membincangkan serta memberi satu diskripsi secara kualitatif berkaitan beberapa perkara utama yang mempunyai hubungkait dengan kajian yang dilaksanakan. Perkara-perkara tersebut adalah tentang lalar belakang masalah, pennisalahan, tujuan, persoalan, kepentingan serta batasan kajian.

1.1. Later Belakang Kajian

Sebagai seorang guru muzik, pengkaji menyedari tentang kepentingan muzik dalam kehidupan seharian kita. Muzik telah menjadi sesuatu yang sehati dengan perlakuan seharian baik di mana kita berada. Manusia sering menggunakan muzik sebagai penyeri aktiviti-aktiviti harian. Tanpa disedari, muzik sebenarnya membantu kita dalam banyak

perkara seperti bertindak sebagai agen penenang fikiran, pengubat sakit sama ada fizikal ataupun mental, merawat hati yang gundah sehinggalah sebagai bahan untuk membantu mengingati atau menghafal sesuatu, bukan sebagai hiburan semata-mata. Malahan dalam pelancaran mana-mana kempen oleh pihak kerajaan mahupun swasta, lagu merupakan satu elemen penting yang perlu ada bagi menjayakan kempen tersebut.

Menurut Page (2003), muzik bukan sahaja sebahagian daripada kehidupan, muzik ialah kehidupan. Justeru itu, kita tidak dapat memisahkan muzik dalam kehidupan seharian kita. Penggunaan dan mengintegrasikan muzik dalam pengajaran dan pembelajaran diumpamakan sebagai satu alat bantuan yang dapat merangsang minda kanak-kanak secara lebih menyeluruh.

Beberapa perkara yang menjadi tumpuan dalam kajian ini ialah tentang pendapat guru prasekolah terhadap penggunaan muzik, bagaimana muzik digunakan dalam pengajaran dan pembelajarannya, apakah masalah atau cabaran yang dihadapi semasa menggunakan muzik dalam pengajaran dan pembelajarannya.

Gardner (1983) dalam Teori Kecerdasan Pelbagai menggariskan kecerdasan muzikal sebagai sesuatu yang penting bagi perkembangan intelek kanak-kanak. Integrasi muzik dalam pembelajaran dapat membantu merangsang minda kanak-kanak (Mettetal, Jordan & Harper, 1997). Menyedari kepentingan muzik sebagai bahan bantuan yang penting dan juga sebagai satu bahan dalam pelbagai bidang, mendorong pengkaji mengkaji tentang bila dan bagaimana guru prasekolah boleh menggunakan dan mengintegrasikan muzik dalam pengajaran dan pembelajaran seharian di prasekolah. Kajian ini juga ingin menyahut cabaran pihak Kementerian Pelajaran memandangkan bahawa pihak kerajaan baru-baru ini banyak membincangkan kepentingan pendidikan awal kanak-kanak.

1.2. Pennasalahan Kajian

Hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan diungkap sebagai "suatu usaha berteraskan ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan haimoni dari segi intelek, tohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan". Inilah persepsi kita tentang pendidikan cemerlang (Falsafah Pendidikan Kebangsaan, 1988),

Berdasarkan petikan tersebut, guru dilihat sebagai pemangkin utama dalam penyanipaan pendidikan yang menyehiruh dan bersepadu. Bermula dari usia kanak-kanak, mereka haras didedahkan dengan pelbagai ilmu yang membina dan dapat menjana minda mereka ke arah menghasilkan insan kamil seperti mana kehendak negara.

Ramai pihak tidak menyedari bahawa perkembangan ilmu awal kanak-kanak perlu dibina secara spontan dan menyeronokkan. Haines dan Gerber (2000) mengatakan bahawa kurikulum yang berpusatkan kanak-kanak adalah lebih betsifat main sambil belajar, lebih berintegrasi dan kemungkinan lebih terdorong melalui respons-respons kanak-kanak daripada guru itu sendiri.

Mengintegrasikan muzik adalah sebahagian dari kehidupan kanak-kanak temtamanya kepada kanak-kanak prasekolah. Muzik merupakan satu subjek yang amat unik dan tidak dapat lari dengan pelbagai isu yang kontroversi. Menurut Samsi (2006:45-46) terdapat pandangan-pandangan yang positif dan negetif tentang penggunaan muzik. Terdapat juga pihak-pihak yang tertentu merasakan bahawa muzik tidak membawa apa-apa kesan dan melibatkan tentang hukum agama temtamanya mengenai pengarah muzik dalam pandangan Agama Islam.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Samsi (2006:25), beliau mengatekan bahawa ibubapa beranggapa anak mereka belajar perkara yang tidak elok jika mempelajari muzik. Ada juga yang menganggap ianya harus terpisah dengan aktiviti seharian termasuklah dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Kajian Shuck (2005:1) juga menjelaskan tentang apa yang berlaku di depai matanya sendiii. Beliau mengatakan bahawa Guru Bahasa menganggap seni itu terpisah dan tidak memahami bahawa kanak-kanak juga boleh mempelajari bahasa semasa menyanyi. Beliau melaporkan;

"Later, when the inevitable confrontation happened, I was told again how the arts are "fun time " and this student need to learn. I could not convince that reading specialist that this student was in fact learning to read, experiencing success, and was on the verge of major accomplishments as soon as the linking of reading words and reading music was attained. Unfortunately my words were not enough to make a difference."

(Shuck, 2005:1)

Perkara di atas menunjukkan bahawa wujudnya kurang pengetahuan oleh pihak-pihak tertentu termasuklah pendidik sendiri tentang penggunaan dan integrasi muzik untuk membantu pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Justeru itu, timbullah persoalan dalam kajian ini tentang bilakah seorang guru prasekolah menggunakan muzik di bilik darjahnya, bagaimana guru prasekolah mengintegrasikan muzik dalam pengajaran dan pembelajarannya supaya kanak-kanak prasekolah sentiasa teransang, sentiasa mempunyai daya pemikiran yang luas dan apakah masalah yang dihadapi oleh guru semasa melaksanakannya?

Adalah diharapkan kajian ini dapat mengupas isu bagaimana muzik digunakan dan diintegrasikan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran seharian kanak-kanak prasekolah supaya dapat membuka minda pihak yang berprasangka atau *'sceptical'* terhadap pentingnya muzik sebagai bahan bantuan dalam perkembangan pelajaran kanak-kanak prasekolah.

13. Tujuan Kajian

Kajian penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji tiga aspek penting kegiatan guru prasekolah tentang penggunaan dan mengintegrasikan muzik dalam pengajaran dan pembelajaran seharian di prasekolah Seri Mawar, Institut Pendidikan Gum, Kampus Ipoh, Hulu Kinta, Perak Darul Ridzuan. Tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.3.1. Mengenal pasti bila muzik digunakan untuk membantu guru prasekolah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajarannya.
- 13.2. Menghuraikan bagaimana guru prasekolah menggunakan dan mengintegrasikan muzik dalam pengajaran dan pembelajaran di kelasnya.
- 1.3.3. Menjelaskan masalah yang dialami oleh guru prasekolah semasa menggunakan dan mengintegrasikan muzik dalam bilik darjahnya.

1.4. Pereoalan Kajian

Pokes utama kajian saya merangkumi aspek utama bagaimana penggunaan dan pengintegrasian muzik daiam pengajaran dan pembelajaran di Prasekolah Sen Mawar, institut Pendidikan Guru, Kampus Ipoh, Hulu Kinta, Perak. Kajian dimulakan dengan mengutarakan tiga soalan pokok dan beberapa soalan sampingan yang boleh didapati dalam persoalan asas ini. Persoalan-persoalan kajian adalah seperti berikut:

1.4.1. Bilakah muzik digunakan untuk membantu guru prasekolah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran?

1.4.2. Bagaimanakah guru prasekolah menggunakan dan mengintegrasikan muzik dalam pengajaran dan pembelajaran di kelasnya?

1.4.3. Apakah masalah yang dialami oleh guru prasekolah semasa menggunakan dan mengintegrasikan muzik dalam bilik darjahnya?

1.5. Batasai Kajian

Kajian penyelidikan yang hendak ditumpukan di sini hanyalah terhadap seorang gura di Prasekolah Seri Mawar, Institut Pendidikan Guru, Kampus Ipoh, Perak. Subjek kajian

ialah seorang guru prasekolah yang bertugas di situ sejak 8 tahun yang lepas. Sebelum menjadi guru prasekolah beliau telah mengajar di Sekolah Kebangsaan Changkat Jong, Teluk Intan, Perak.

Selepas mendapat keputusan cemerlang semasa beliau mengikut Kursus dalam perkhidmatan selama 14 minggu, beliau diserapkan ke Prasekolah Sen Mawar, Institut Pendidikan Guru, Kampus Ipoh, Hulu Kinta, Perak. Kajian ini hanyalah dijalankan selama 10 minggu.

Hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan di mana-mana tempat kerana kajian ini hanya dilaksanakan pada satu tempat sahaja. Prasekolah ini merupakan salah satu projek Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran. Namun begitu hasil dapatan boleh dilihat sebagai usaha satu bentuk pendokumentasian tentang penggunaan dan integrasi muzik yang dilaksanakan dalam bilik darjah prasekolah. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada pihak-pihak yang berminat tentang muzik dalam pendidikan awal kanak-kanak.

1.6. Daftar Operasi:

1.6.1 Prasekolah:

Proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di prasekolah adalah berdasarkan Program Pendidikan Prasekolah yang bersifat agak tidak formal (main sambil belajar) supaya dapat menyediakan kanak-kanak dengan kehidupan seharian dan juga persediaan menghadapi pendidikan formal sekolah rendah. Kanak-kanak mengikuti prasekolah untuk perkembangan potensi kanak-kanak dari

segi bahasa dan komunikasi, kognitif, mental, kerohanian, moral sosioekonomi dan fizikal.

1.6.2. Kanak-kanak prasekolah:

Menurut Shahizan Hasan dan Ahmad Shahabudin (2006) kanak-kanak prasekolah ialah kanak-kanak yang berumur antara 4 hingga 6 tahun. Kanak-kanak ini diumpamakan sebagai individu yang suka meneroka, ingin tahu dan masih di alam fantasi. Kanak-kanak ini adalah individu yang aktif dan mengalami pelbagai proses pengalaman berdasarkan aspek personaliti yang berbeza.

1.6.3. Prasekolah di Institut Pendidikan Guru, Bahagian Pendidikan Guru:

Prasekolah Bahagian Pendidikan Guru membawa maksud Prasekolah yang diwujudkan di dalam Institusi Pendidikan Guru (IPG) di kampus-kampus tertentu sebagai satu tempat di mana kanak-kanak berumur 5 hingga 6 tahun yang tinggal disekitar IPG berkenaan boleh mendaftar untuk mengikuti pendidikan prasekolah tersebut. Prasekolah ini juga merupakan medan untuk guru-guru pelatih yang mengikuti kursus Prasekolah melatih dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran prasekolah pada masa-masa yang tertentu. Selain dari itu terdapat seorang guru prasekolah sepenuh masa yang mengajar dan juga merupakan pembimbing bagi guru-guru pelatih tersebut.

1.6A Pengajaran:

Pengajaran membawa maksud penyampaian maklumat dan mengajar oleh guru kemahiran-kemahiran tertentu kepada kanak-kanak melalui tema-tema yang terpilih

dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Prasekolah- Penyampaian pengajaran di prasekolah adalah secara dibentuk supaya sesuai dengan suasana, keupayaan dan minat murid. Pengajaran di prasekolah dilaksanakan secara berkumpulan atau secara individu untuk menggalakkan naluri ingin tahu kanak-kanak. Mohd Fazil (2007:38) menjelaskan bahawa mengajar bertujuan untuk mengubah tingkah laku dan kelakuan di samping mendapat pengetahuan atau kepercayaan baru.

1.6.5 Pembelajaran:

Menurut Laura (2005:10), menjelaskan bahawa pembelajaran didefinisikan sebagai proses memperolehi pengetahuan dan kemahiran apabila tingkah laku diubah dengan aktiviti sendiri. Pembelajaran dalam konteks prasekolah ialah perubahan tingkah laku akibat pemerolehan ilmu yang boleh dikaitkan dengan pengalaman kehidupan seharian kanak-kanak. Kanak-kanak belajar secara berkumpulan dan secara individu berdasarkan kecenderungan masing-masing.

1.6.6. Penggunaan dan Integrasi Muzik:

Penggunaan muzik bermaksud bagaimana mengaplikasikan bahan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Integrasi membawa maksud aplikasi kemahiran dan pengetahuan merentasi dua atau lebih disiplin atau bidang-bidang subjek. Integrasi muzik ialah kombinasi falsafah, konseptual, teori, pedagogi dan metodologi komponen-komponen pendidikan muzik dan bidang subjek atau domain pengetahuan lain (Shuck, 2005:23). Integrasi muzik dalam pengajaran dan pembelajaran bermaksud muzik dijadikan bahan untuk mengajar matapelajaran lain selain dari mata pelajaran muzik.

1.7. Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan satu bentuk pendokumentasian yang bertulis mengenai kegiatan pengajaran dan pembelajaran harian di sebuah prasekolah kerajaan yang mengutarakan penggunaan dan pengintergrasian muzik sebagai bahan bantuan penyampaian pengajaran dan pembelajaran, Pengaruh muzik yang penting dapat membantu guru prasekolah bukan sahaja dalam penyampaian pengajaran dan pembelajarannya tetapi untuk membina pembentukan insan yang seimbang dan menyeluruh. Persepsi guru prasekolah dalam kajian ini amat berguna untuk meneroka bila dan bagaimana muzik digunakan dan diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran selain daripada pelajaran muzik itu sendiri. Persoalan bagaimana muzik dapat membantu guru mengajar mata pelajaran lain dan persepsi guru tentang kesannya terhadap pengajaran yang disampaikan adalah penting untuk mengetahui sejauh mana muzik mempengaruhi kehidupan seharian kanak-kanak prasekolah sewaktu belajar. Banyak dapatan boleh ditemui dalam kajian ini. Kajian ini membuktikan bahawa kecerdasan muzikal boleh mendorong kepada keupayaan menambah perkembangan minda serta kesedaran estetika dalam diri kanak-kanak.

1.8. Kesimpulan

Bab ini menjelaskan beberapa perkara yang menjadi asas kepada hala tuju kajian yang dilaksanakan. Latar belakang masalah dijelaskan untuk menyokong tujuan dan juga

objektif kajian. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meneroka dan meninjau kepentingan penggunaan dan pengintegrasian muzik di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di prasekolah serta mengupas beberapa permasalahan yang timbul, justeru menjelaskan kepentingan kajian ini. Persoalan dan juga batasan kajian diperbincangkan bagi menjelaskan fokus kajian yang dilaksanakan.



BAB 2


TINJAUAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan

Bab ini menerangkan secara ringkas tentang sejarah perkembangan program pendidikan prasekolah di Malaysia dan juga teori yang berkaitan dengan kajian ini. Terdapat tinjauan beberapa bahan-bahan terbitan mengenai strategic pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran di prasekolah yang berkaitan untuk membantu memahami lebih mendalam tentang kajian yang dijalankan. Berdasarkan sorotan dari bahan-bahan terbitan, bab ini juga membincangkan kajian-kajian lain yang mempunyai kesignifikan dalam kajian ini.

2.1 Kerangka Teori

Secara grafik kajian ini akan mengupas perkara-perkara seperti berikut:



Rajah 2.1: Kerangka Teori

2.2. Perkembangan Pendidikan Prasekolah di Malaysia

Menurut Nor Hashimah dan Yahya (2003) prasekolah merujuk kepada pendidikan awal kanak-kanak yang terdiri dari 2 program, iaitu Tadika atau Taman Didikan Kanak-kanak untuk kanak-kanak 4-6 tahun dan Tabika atau Taman Bimbingan Kanak-kanak untuk kanak-kanak di bawah umur 4 tahun. Tadika perlu didaftarkan dengan Kementerian Pendidikan sementara Tabika pula didaftarkan dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Pada peringkat awal, prasekolah di Malaysia bersifat sebagai pusat jagaan atau asuhan kanak-kanak. Tetapi pada akhir tahun 50an dan awal 60an pusat asuhan mula bertukar pada prasekolah yang lebih menekankan aspek pendidikan. Sufean Hussin (1993) menyatakan bahawa prasekolah pada ketika itu adalah untuk kanak-kanak golongan berada yang dikenakan yuran yang tinggi, di luar kemampuan golongan bawahan, tenaga pengajarnya tidak mendapat latihan professional dan kurikulumnya bersifat tradisional, iaitu menyediakan kanak-kanak dengan kemahiran 3M (menulis, membaca dan mengira).

Ketidakseimbangan antara kurikulum dan perbezaan status demografinya disedari oleh pihak kementerian melalui Laporan Keciciran Tahun 1973 (Asiah, 2001). Dalam laporan ini didapati bahawa wujudnya ketidakseimbangan penyertaan justeru mendorong beberapa agensi kerajaan dan pertubuhan kakitangan jabatan kerajaan menubuhkan pusat-pusat prasekolah sekitar tahun 1970an dan 1980an.

Asiah (2001) turut menjelaskan bahawa perkembangan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia sebenarnya bermula sekitar tahun 1969. Ini adalah kerana pada tahun ini geran dari Yayasan Asia diberikan kepada Perbadanan Buruh Malaysia untuk memperkenalkan model pusat kanak-kanak di tiga buah kampong di Selangor. Program ini memberi peluang untuk belajar tanpa mengira kaum. Program ini telah mencetus perhatian terhadap pendidikan awal kanak-kanak.

Nor Hashimah dan Yahya (2003:29) menjelaskan agensi pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia terbahagi kepada 3 jenis pendidikan prasekolah yang utama, iaitu;